

**Najib pinggir MEB dengan perkenal agenda ekonomi Bumiputera, kata Kit Siang
Malaysian Insider
Sept 16 , 2013
OLEH MOHD FARHAN DARWIS**

Langkah Putrajaya untuk mengukuhkan ekonomi Bumiputera menunjukkan kerajaan telah meminggirkan Model Ekonomi Baru (MEB) yang bermatlamat mengeluarkan rakyat Malaysia dari perangkap ekonomi kelas pertengahan, kata Lim Kit Siang (gambar).

Penasihat DAP itu menegaskan, pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak hujung minggu lalu semasa Majlis Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera 2013 menunjukkan beliau telah meminggirkan MEB.

"Najib kini telah meminggirkan keseluruhan MEB yang berasaskan keperluan dan merit berdasarkan transformasi untuk program afirmatif," kata ahli Parlimen Gelang Patah itu lagi.

MEB, jelas Lim, mengakui fokus berlebihan berdasarkan etnik bagi pengagihan kekayaan telah mewujudkan ketegangan.

Apabila MEB diumumkan pada Mac 2010, negara diberi amaran kesan kegagalan mengatasi masalah transformasi ekonomi yang besar.

Lim berkata MEB kemudiannya menggariskan iltizam politik dan kepimpinan untuk memecahkan penguasaan sesetengah kumpulan dan menyediakan rakyat untuk menyokong perubahan dalam arah tuju polisi.

Najib dalam pengumuman pemerkasaan ekonomi Bumiputera memperkenalkan lima langkah bagi memperkasa ekonomi Bumiputera yang menurutnya mampu meningkatkan penguasaan golongan berkenaan menjelang 2020.

Beliau berkata, pegangan ekuiti korporat masih belum mencapai 30 peratus dan golongan tersebut kini masih dalam tempoh transformasi sejak empat dekad lalu.

Empat pendekatan lain yang diumumkan Perdana Menteri adalah memantapkan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat, mengukuhkan aset bukan kewangan, memperhebat keusahawanan dan memantapkan ekosistem penyampaian kerajaan terhadap golongan Bumiputera.

Katanya, bagi memantapkan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat, Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB2) akan diwujudkan dengan menambah 10 bilion unit saham.

Lim bagaimanapun berkata Perdana Menteri seharusnya menjelaskan sama ada beliau telah meminggirkan bayang-bayang MEB kerana beliau kekurangan iltizam politik mempertahankan MEB.

"Najib perlu menetapkan arah supaya negara boleh keluar dari perangkap ekonomi kelas pertengahan apabila berhadapan pembangkang dan kedudukannya dalam Umno sendiri," kata Lim. - 16 September, 2013.

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-pinggir-meb-dengan-perkenal-agenda-ekonomi-bumiputera-kata-kit-siang>